

## **KANDUNGAN**

RUKUN NEGARA	ii	BIDANG PEMBELAJARAN 3 : Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Masyarakat	15
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	iii	BIDANG PEMBELAJARAN 4 : Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Alam Sekitar	17
KATA PENGANTAR	iv	BIDANG PEMBELAJARAN 5 : Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Negara	19
PENDAHULUAN	1		
HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	3		
PEMBINAAN KEMAHIRAN MENERUSI PENDIDIKAN MORAL	6		
BIDANG PEMBELAJARAN 1 : Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri	8		
BIDANG PEMBELAJARAN 2 : Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Keluarga	13		

## **RUKUN NEGARA**

**BAHAWASANYA** negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**MAKA KAMI**, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan hamonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **KATA PENGANTAR**

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita mumi dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, teori pelbagai kecerdasan, pembelajaran masteri, pembelajaran secara konstruktivisme dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai mumi dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharap dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Moral, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dengan mengambil kira perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam usaha menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN**  
Pegarah  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENDAHULUAN

*Takrifan  
Pendidikan  
Moral*

Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral.

Pendidikan Moral di sekolah rendah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu murid dapat membina satu panduan hidup yang membolehkan mereka menjadi insan yang bermoral. Ini membolehkan mereka menjadi individu yang bertanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Beberapa prinsip utama telah dikenal pasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial.

Prinsip-prinsip itu adalah :

- bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain;
- berpegang teguh pada ajaran agama;
- prihatin kepada alam sekitar;
- mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup;
- bersemangat patriotik

- menghormati hak asasi manusia; dan
- mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

Pemilihan prinsip-prinsip di atas dilakukan untuk merealisasikan semangat dan hasrat yang terkandung dalam Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## KANDUNGAN SUKATAN PELAJARAN

*Lima  
Bidang  
Pembelajaran*


Untuk membolehkan murid memahami, menghayati serta mengamalkan prinsip-prinsip tersebut, sebanyak **lima bidang pembelajaran** telah dikenal pasti dan nilai-nilai moral disampaikan menerusi bidang pembelajaran tersebut. Selain aspek kerohanian dan kemanusiaan, bidang pembelajaran itu juga menekankan aspek kemasyarakatan dan kebudayaan. Bidang pembelajaran tersebut adalah seperti berikut :

- i. Nilai berkaitan dengan **Perkembangan Diri**
- ii. Nilai berkaitan dengan **Diri dan Keluarga**
- iii. Nilai berkaitan dengan **Diri dan Masyarakat**
- iv. Nilai berkaitan dengan **Diri dan Alam Sekitar**
- v. Nilai berkaitan dengan **Diri dan Negara**

Rangka  
Konsep  
i

Pengajaran nilai berfokus pada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga dimensi moral yang saling berkaitan. (Rajah 1: Model Insan Menyeluruh). Perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga dimensi moral ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Pendidikan Moral yang efektif seharusnya membantu murid memahami nilai-nilai moral, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya, serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Ketiga-tiga dimensi ini perlu untuk membolehkan seseorang murid mencapai tahap kematangan moral.

Teori perkembangan moral yang sebaik-baiknya ialah yang mempertimbangkan ketiga-tiga dimensi ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga dimensi ini akan menyubur dan merangsangkan lagi kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berkenaan berasa gembira membuat apa yang betul dan berasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul atau tidak bermoral. Program Pendidikan Moral ini tidak seharusnya mengabaikan aspek kesedaran hati nurani yang berfungsi menyepadukan ketiga-tiga dimensi moral tersebut.



**RAJAH 1 : MODEL INSAN MENYELURUH**

*Matlamat Pendidikan Moral* Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

*Objektif Pendidikan Moral* Kurikulum Pendidikan Moral membolehkan murid:

- i. Memahami dan menghayati nilai-nilai murni masyarakat Malaysia;
- ii. Meningkatkan amalan budi pekerti mulia;
- iii. Menyedari dan menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri dengan keluarga, masyarakat, negara serta alam sekitar; dan
- iv. Mengembangkan dan mengaplikasikan pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam membuat sesuatu pertimbangan dan keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

## HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

*Tujuan* Huraian Sukatan Pelajaran disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kematangan murid. Buku ini juga menyediakan penerangan untuk membantu guru melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral dalam bilik darjah dengan berkesan.

*Penerangan Lajur* Huraian Sukatan Pelajaran mengandungi bidang pembelajaran, nilai, penerangan nilai, kandungan akademik, hasil pembelajaran, dan cadangan aktiviti pembelajaran. Setiap bidang pembelajaran dan nilai diperincikan mengikut tahun. Walaupun bidang pembelajaran dan nilai yang sama diajar pada setiap tahun, skop dan penekanan adalah berbeza kerana isu moral atau kandungan yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam selaras dengan tahap kematangan murid.

*Format Empat Lajur* Huraian Sukatan Pelajaran menggunakan format empat lajur utama, iaitu :

**Lajur Nilai** 1

**Lajur Kandungan Akademik** 2

**Lajur Hasil Pembelajaran** 3

**Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran** 4

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL			
TAHUH 1			
BIDANG PEMBELAJARAN 1: NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI			
NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.1 Kepercayaan kepada Tuhan  Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berbandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.	Agama penyuluh kehidupan  Masyarakat di Malaysia menganut pelbagai agama ▪ Ketahui dan kenali agama orang lain	Menghormati anutan agama orang lain	i. Bercerita tentang agama yang dianuti ii. Menerangkan identiti agama yang dianuti

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5
- 6
- 7
- 8

Kandungan akademik bagi setiap tahun disusun dengan jelas bermula dengan tema 6 diikuti oleh tajuk pengajaran 7 dan huraian tajuk pengajaran 8 yang disertakan dengan contoh jika perlu bagi memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Dalam perkembangan kurikulum dan proses pembelajaran, nilai dan kemahiran tidak boleh dipisahkan daripada kandungan atau pengetahuan akademik. Diandaikan bahawa murid akan berfikir secara kritikal serta bertindak lebih efektif terhadap sesuatu isu moral jika mereka dapat mengkaji dan memahami konsep isu itu, asal usulnya dan kesannya. Dengan adanya kandungan akademik ini, murid dapat mentelaah dan mengkaji bahan pembelajaran secara lebih terperinci. Kandungan akademik yang dimasukkan meliputi pelbagai bidang seperti agama, sejarah, alam sekitar, isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan. Oleh itu, kandungan akademik harus diajar serta dipelajari bersama nilai dan kemahiran dalam usaha mencapai matlamat pendidikan moral.

Lajur Nilai  
Dalam lajur ini disenaraikan nilai-nilai yang terkandung di bawah Bidang Pembelajaran. Setiap nilai disertakan penerangannya yang dipetik daripada Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (Semakan).

Lajur Kandungan Akademik  
Bagi setiap nilai disediakan kandungan akademi yang diolah bersesuaian dengan kebolehan dan tahap kematangan murid bermula dari diri, keluarga, masyarakat, negara hingga ke peringkat antarabangsa.

Lajur Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah penerangan atau pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang murid dijangka atau diharap mencapai dalam setiap tahun. Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan yang disampaikan.



Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran

Lajur ini memuatkan cadangan aktiviti dan contoh isu atau situasi untuk pengajaran dan pembelajaran. Isu atau situasi yang dikemukakan bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman diri murid tetapi juga meliputi hubungannya dengan keluarga, komuniti, negara, dan peringkat antarabangsa. **Aktiviti, isu atau situasi tersebut tidak hanya terbatas kepada cadangan yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini tetapi guru boleh mengambil contoh lain daripada pelbagai sumber asalkan dapat memperkukuh nilai yang diajar.**

Walaupun fokus pengajaran dan pembelajaran adalah kepada satu nilai, nilai-nilai lain yang sesuai perlu dihubungkan dan digabungkan supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik, berkesan dan menyeluruh. Selain itu, unsur-unsur ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain harus disepadukan dalam merancang aktiviti sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Contoh Persembahan

Lajur

**TAHUN 6**

**BIDANG PEMBELAJARAN 1: Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri**

#### LAJUR NILAI

Nilai : **Kepercayaan kepada Tuhan**

**Penerangan nilai :**

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.

#### LAJUR KANDUNGAN AKADEMIK

**Tema : Kesejahteraan hidup dinikmati anugerah Tuhan disyukuri**

**Tajuk pengajaran :** Kewajipan mensyukuri nikmat Tuhan

**Huraian tajuk pengajaran :**

- Kehidupan yang sedia ada diterima dengan mensyukuri anugerah Tuhan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup
  - Kesihatan yang sempurna
  - Keluarga yang bahagia
  - Alam sekitar yang bersih
  - Negara yang aman damai

#### LAJUR HASIL PEMBELAJARAN

- i. Menjaga apa yang dianugerahkan oleh Tuhan dengan baik
- ii. Berusaha untuk meningkatkan apa yang dianugerahkan oleh Tuhan ke tahap yang lebih baik

#### LAJUR CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN

- i. Sumbangsan berkaitan dilema moral
  - Perbezaan hidup antara individu yang miskin dengan yang kaya
  - Kepayahan hidup individu yang kurang upaya dan akhirnya berjaya mencapai kejayaan
- ii. Perbincangan tentang cara menunjukkan kesyukuran atas nikmat Tuhan

### PEMBINAAN KEMAHIRAN UNTUK PENDIDIKAN MORAL

<p>Kemahiran Utama</p>	<p>Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran generik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan konflik dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membolehkan murid menghadapi dunia ledakan maklumat dan alaf baru dengan penuh keyakinan dan sikap bertanggungjawab sosial dan moral. Penguasaan kemahiran ini juga akan membantu pembinaan daya tahan dan kebolehan menghadapi segala tekanan dan cabaran hidup di kalangan murid. Mengajar murid kemahiran-kemahiran ini boleh dianggap sebagai satu cara memupuk dan merangsang perkembangan moral mereka.</p>	<p>Kemahiran Pemikiran Kreatif</p>	<p>Kebolehan berfikir secara kreatif membantu murid mencari dan bertemu dengan cara penyelesaian dan alternatif yang lebih baik ketika menghadapi masalah dan konflik dalam kehidupan. Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dalam menjalankan aktiviti yang bermanfaat untuk diri sendiri dan orang lain.</p>
<p>Kemahiran Penyelesaian Konflik</p>	<p>Guru boleh mengajar kemahiran penyelesaian konflik yang akan membantu murid membuat keputusan berasaskan nilai dengan mengambil kira perbezaan nilai yang ada pada diri sendiri dan orang lain. Penguasaan kemahiran penyelesaian konflik melalui Pendidikan Moral boleh membantu murid berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain secara lebih berkesan dan mengelakkan sebarang konflik.</p>	<p>Kemahiran Menentang Tekanan Rakan Sebaya</p>	<p>Penguasaan kemahiran menentang tekanan rakan sebaya sangat penting dalam pendidikan nilai atau moral, khususnya apabila kemahiran ini digunakan dalam usaha pencegahan salahguna dadah atau sebarang bentuk salah laku yang lain. Mengajar murid menentang tekanan rakan sebaya tidak bermakna mengajar mereka tidak mempedulikan nasihat yang baik daripada rakan sebaya mereka tetapi mengajar murid supaya berfikir, berbincang dengan sumber lain dan mempertahankan nilai moral sendiri.</p>
<p>Kemahiran Pemikiran Kritis</p>	<p>Guru juga perlu mengajar murid cara menggunakan kemahiran pemikiran kritikal berpandukan pengetahuan moral supaya murid dapat menilai sama ada sesuatu tindakan atau perkara itu bermoral atau tidak. Dalam konteks ini, pengajaran kemahiran ini akan membantu menyemai nilai moral dalam jiwa murid. Kemahiran pemikiran kritikal ini juga membantu murid menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang lebih baik dan seterusnya berjaya dalam kerjaya mereka.</p>	<p>Kemahiran Mengkaji Masa Depan</p>	<p>Pendidikan Moral memupuk kemahiran mengkaji masa depan di kalangan murid iaitu pendekatan pembelajaran yang membolehkan murid menyedari tentang isu atau pemasalahan yang berlaku pada masa yang lampau, masa kini dan masa depan. Ini membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat serta bersedia menyesuaikan diri terhadap perubahan yang mungkin berlaku.</p>

Kemahiran Teknologi Maklumat Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, murid diberi kesempatan mencari dan memperoleh sumber-sumber maklumat yang tepat melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti *Internet*, laman *web*, *e-mail*, *CD-Rom* dan sidang telekomunikasi. Aktiviti seperti ini dapat berfungsi sebagai perangsang dan pemangkin kepada perkembangan minda murid. Selain itu melalui Pendidikan Moral, murid-murid dapat membuat pertimbangan dengan mencari maklumat yang positif dan mengelakkan mereka daripada melayari laman-laman web yang berunsur negatif.

Kemahiran Sosial Kemahiran sosial memberi penekanan kepada kebolehan murid untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam sesuatu situasi sosial yang boleh diterima oleh masyarakat dan pada masa yang sama bermanfaat kepada diri dan orang lain. Kemahiran sosial ini boleh diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.

**BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI**

<b>NILAI</b>	<b>KANDUNGAN AKADEMIK</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p><b>1.1 Kepercayaan kepada Tuhan</b></p> <p>Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.</p>	<p><b>Kesejahteraan hidup dinikmati anugerah Tuhan disyukuri</b></p> <p>Kewajipan mensyukuri nikmat Tuhan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehidupan yang sedia ada diterima dengan mensyukuri anugerah Tuhan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesihatan yang sempurna</li> <li>- Keluarga yang bahagia</li> <li>- Alam sekitar yang bersih</li> <li>- Negara yang aman damai</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjaga apa yang dianugerahkan oleh Tuhan dengan baik</li> <li>ii. Berusaha untuk meningkatkan apa yang dianugerahkan oleh Tuhan ke tahap yang lebih baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sumbang saran berkaitan dilema moral             <ul style="list-style-type: none"> <li>– Perbezaan hidup antara individu yang miskin dengan kaya</li> <li>– Kepayahan hidup individu yang kurang upaya dan akhirnya berjaya mencapai kejayaan</li> </ul> </li> <li>ii. Perbincangan - cara menunjukkan kesyukuran atas nikmat Tuhan</li> </ul>
<p><b>1.2 Kebersihan Fizikal dan Mental</b></p> <p>Kebersihan dan kesihatan diri serta pemikiran yang sihat dan positif dalam setiap perlakuan.</p>	<p><b>Berbaik sangka mencerminkan fikiran dan jiwa yang bersih</b></p> <p>Kebersihan pemikiran dan jiwa menjamin hubungan yang sihat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan baik sangka dan sentiasa berfikiran positif terhadap orang lain</li> </ul>	<p>Berbaik sangka dan berfikiran positif terhadap orang lain</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Syarahan atau perbahasan bertajuk 'Berbaik sangka membawa kesejahteraan hidup'</li> <li>ii. Senarai semak tentang perasaan baik sangka terhadap rakan/anggota keluarga</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.3 Harga Diri</b></p> <p>Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.</p>	<p><b>Perancangan masa depan menjamin kecemerlangan</b></p> <p>Hala tuju hidup membina maruah diri</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hala tuju hidup yang positif           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pegangan agama yang kukuh</li> <li>- Usaha memajukan diri ke arah cita-cita yang ditentukan</li> <li>- Hobi yang sihat</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menjaga maruah diri dengan menentukan hala tuju hidup yang positif.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menentukan hala tuju hidup</li> <li>ii. Menyediakan satu kontrak diri/ akujanji tentang hala tuju kehidupan</li> <li>iii. Senarai semak tentang usaha yang dilakukan untuk menentukan hala tuju hidup</li> </ul>
<p><b>1.4 Kerajinan</b></p> <p>Usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara.</p>	<p><b>Amalan kerajinan tanda penganut yang baik</b></p> <p>Agama menuntut amalan kerajinan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajinan mengikut perspektif pelbagai agama</li> </ul>	<p>Mengamalkan sikap kerajinan sebagaimana yang dituntut oleh agama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat dan berbincang tentang amalan kerajinan mengikut perspektif pelbagai agama</li> <li>ii. Mengumpul kata-kata hikmat tentang amalan kerajinan mengikut perspektif agama dan mempamerkan di papan kenyataan kelas</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.5 Hemah Tinggi</b></p> <p>Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.</p>	<p><b>Amalan berhemah memupuk keharmonian</b></p> <p>Kesopanan menjamin perkhidmatan berkualiti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan bersopan dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta</li> </ul>	<p>i. Mencontohi amalan bersopan dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta</p> <p>ii. Menunjukkan tingkah laku bersopan dalam perhubungan dengan orang lain</p>	<p>i. Mengumpul moto/slogan/tema kempen tentang amalan kesopanan di jabatan kerajaan dan swasta dan membincangkannya</p> <p>ii. Main peranan sebagai kakitangan sebuah agensi dalam memberi perkhidmatan bersopan kepada pelanggan</p>
<p><b>1.6 Kasih Sayang</b></p> <p>Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.</p>	<p><b>Kasih sayang menjamin kesejahteraan hidup</b></p> <p>Gaya hidup sihat amalan yang baik</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sokongan kepada penghidap dan keluarga penghidap HIV/AIDS</li> </ul>	<p>Memberi sokongan moral dan kebendaan kepada penghidap dan keluarga penghidap HIV/AIDS</p>	<p>i. Mengumpul maklumat tentang punca dan akibat HIV/AIDS dan mempamerkan di bilik darjah</p> <p>ii. Simulasi tentang memberi sokongan kepada penghidap / keluarga penghidap HIV/AIDS</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.7 Kesederhanaan</b></p> <p>Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.</p>	<p><b>Pertimbangan yang bijaksana membawa kebajikan</b></p> <p>Amalan bersederhana dalam menangani sebarang masalah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah dan krisis ditangani dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masalah remaja</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyelesaikan masalah dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelesaian masalah                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menenal pasti isu-isu semasa</li> <li>- Berbincang tentang cara menangani masalah dan isu secara rasional</li> </ul> </li> <li>ii. Menyediakan rangka penyelesaian masalah remaja menggunakan carta pengurusan grafik</li> </ul>
<p><b>1.8 Kejujuran</b></p> <p>Kewajipan bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.</p>	<p><b>Amanah tunjang kemuliaan</b></p> <p>Amalan amanah satu cara hidup yang mulia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai murid dan pekerja                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak terlibat dalam penyelewengan kuasa dan wang</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bersikap amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lakonan bertemakan 'Murid yang amanah'</li> <li>ii. Perbincangan tentang kesan pekerja yang amanah terhadap diri, keluarga, majikan, masyarakat dan negara.</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>1.9 Baik Hati</b></p> <p>Kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberi bantuan dan sokongan moral secara tulus ikhlas.</p>	<p><b>Bakti ditabur masyarakat sejahtera</b></p> <p>Sikap baik hati sesama manusia menjamin kesejahteraan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan baik hati terhadap pelbagai lapisan masyarakat di dalam dan luar negara <ul style="list-style-type: none"> <li>- Individu yang menghidap penyakit kronik</li> <li>- Mangsa bencana alam dan peperangan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bersikap baik hati kepada semua anggota masyarakat di dalam dan luar negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan tabung kemanusiaan peringkat kelas/sekolah</li> <li>ii. Mengumpul keratan akhbar dan mengadakan perbincanan tentang bantuan kemanusiaan kepada pelbagai lapisan masyarakat yang ditimpa kesusahan</li> </ul>
<p><b>1.10 Berterima Kasih</b></p> <p>Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa, sumbangan atau pemberian.</p>	<p><b>Pemimpin negara kebanggaan rakyat</b></p> <p>Pemimpin berjasa dihargai rakyat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga jasa dan pengorbanan pemimpin <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan negara</li> <li>- Pemimpin yang membangunkan negara</li> </ul> </li> </ul>	<p>Berterima kasih dan mengenang jasa pemimpin negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menghasilkan buku skrap tentang pemimpin negara</li> <li>ii. Menulis surat/kad mengucapkan terima kasih kepada pemimpin negara</li> </ul>



**BIDANG PEMBELAJARAN 2 : NILAI BERKAITAN DENGAN DIRI DAN KELUARGA**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>2.1 Kasih Sayang terhadap Keluarga</b></p> <p>Perasaan cinta dan sayang yang mendalam serta berkekalan terhadap keluarga demi melahirkan keluarga bahagia.</p>	<p><b>Agama menuntut kehidupan keluarga bahagia</b></p> <p>Kasih sayang terhadap keluarga amalan suci</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kasih sayang terhadap keluarga mengikut perspektif agama</li> </ul>	<p>Menunjukkan kasih sayang terhadap anggota keluarga seperti yang dituntut agama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul kata-kata hikmat tentang amalan kasih sayang terhadap anggota keluarga mengikut perspektif agama dan mempamerkan di kelas</li> <li>ii. Mengumpul maklumat/cerita dan berbincang tentang amalan kasih sayang terhadap anggota keluarga mengikut pelbagai agama</li> </ul>
<p><b>2.2 Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga</b></p> <p>Memuliakan setiap anggota keluarga dengan berinteraksi dan memberi layanan secara bersopan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.</p>	<p><b>Saling menghormati mengukuhkan keakraban keluarga</b></p> <p>Bermusyawarah meningkatkan hubungan kekeluargaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelesaian masalah secara musyawarah             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berbincang dan berterus terang dengan anggota keluarga</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyelesaikan masalah secara musyawarah dengan anggota keluarga</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peta minda tentang kebaikan menyelesaikan masalah bersama keluarga</li> <li>ii. Main peranan tentang penyelesaian masalah dengan anggota keluarga</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>2.3 Tanggungjawab terhadap Keluarga</b></p> <p>Kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu terhadap keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga.</p>	<p><b>Keluarga bahagia impian semua</b></p> <p>Kehidupan keluarga bahagia kewajipan anggotanya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehidupan keluarga yang berkualiti             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkongsi masa suka duka</li> <li>- Perpaduan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bertanggungjawab mengekalkan kehidupan keluarga yang berkualiti</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menulis esei tentang cara meningkatkan perpaduan dalam hubungan keluarga</li> <li>ii. Bercerita tentang cara berkongsi masa suka duka dengan anggota keluarga</li> <li>iii. Main peranan tentang perkongsian masa suka duka dengan anggota keluarga</li> </ol>

BIDANG PEMBELAJARAN 3 : NILAI BERKAITAN DENGAN DIRI DAN MASYARAKAT

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>3.1 Tanggungjawab terhadap Masyarakat</b></p> <p>Kesanggupan memikul serta melaksanakan tugas dan kewajipan dengan sempurna sebagai anggota masyarakat.</p>	<p><b>Rakyat cemerlang negara gemilang</b></p> <p>Permuafakatan antara rakyat dan pemimpin menjamin kesejahteraan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sokongan kepada pemimpin dalam memajukan masyarakat dan negara</li> </ul>	<p>Menyokong usaha pemimpin memajukan masyarakat dan negara</p>	<p>i. Mencipta sajak bertemakan sokongan rakyat kepada pemimpin</p> <p>ii. Buku skrap mengumpul gambar/risalah tentang tanggungjawab rakyat bekerjasama dengan pemimpin memajukan negara</p>
<p><b>3.2 Toleransi dalam Masyarakat</b></p> <p>Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.</p>	<p><b>Toleransi asas perpaduan</b></p> <p>Kepelbagaian kebudayaan mencerminkan perpaduan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fahami dan hormati kebudayaan pelbagai kaum</li> </ul>	<p>Memahami dan menghormati kebudayaan pelbagai kaum</p>	<p>i. Membuat persiapan menyambut sesuatu perayaan/hari kebesaran pelbagai kaum di bilik darjah</p> <p>ii. Syarahan bertajuk 'Kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia'</p> <p>iii. Buku skrap tentang kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia</p>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>3.3 Semangat Bermasyarakat</b></p> <p>Kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama demi keharmonian hidup bermasyarakat.</p>	<p><b>Berbakti demi kesejahteraan masyarakat</b></p> <p>Kesediaan bekerjasama menjamin kesejahteraan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesediaan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyelesaikan sesuatu masalah demi kebaikan bersama</li> </ul>	<p>Bersedia untuk bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu masalah demi kebaikan bersama</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perbincangan tentang cara menghubungi pihak berkuasa bagi melaporkan sesuatu kes/masalah - kes jenayah, kebakaran</li> <li>ii. Lakonan perbualan telefon melaporkan sesuatu kes/masalah</li> </ul>
<p><b>3.4 Peka terhadap Isu-isu Sosial</b></p> <p>Bertanggungjawab dan prihatin terhadap masalah dan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat dan berusaha menyelesaikannya.</p>	<p><b>Masyarakat prihatin hidup sejahtera</b></p> <p>Isu-isu sosial ditangani bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prihatin terhadap langkah menangani isu-isu sosial <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anti dadah</li> <li>- Anti cetak rompak</li> <li>- Anti lumba haram</li> </ul> </li> </ul>	<p>Prihatin dengan masalah sosial dan menjauhi diri daripada terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ceramah oleh pihak Polis Di Raja Malaysia/Pemadam</li> <li>ii. Pertandingan menulis cogan kata tentang anti dadah/anti cetak rompak</li> <li>iii. Menghasilkan artikel untuk majalah sekolah/akhbar tempatan tentang isu dadah/cetak rompak/lumba haram dan mengemukakan cadangan untuk menangani masalah tersebut.</li> </ul>

BIDANG PEMBELAJARAN 4 : NILAI BERKAITAN DENGAN DIRI DAN ALAM SEKITAR

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>4.1 Kebersihan dan Keindahan Persekitaran</b></p> <p>Pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran agar sentiasa bersih dan ceria demi kesejahteraan hidup.</p>	<p><b>Kebersihan ke arah kesejahteraan bersama</b></p> <p>Penjagaan alam sekitar tanggungjawab bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan pelbagai pihak dalam memelihara dan memulihara alam sekitar                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anggota masyarakat</li> <li>- Agensi kerajaan</li> <li>- Agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)</li> </ul> </li> </ul>	<p>Menyokong dan melibatkan diri dalam usaha-usaha memelihara alam sekitar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat tentang Jabatan Alam Sekitar/WWF/agensi swasta dalam memelihara alam sekitar</li> <li>ii. Permainan alam sekitar – Menara haloba</li> <li>iii. Program kesedaran alam sekitar                             <ul style="list-style-type: none"> <li>– Lawatan</li> <li>– Perkhemahan</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>4.2 Menyayangi Alam Sekitar</b></p> <p>Mencintai dan menghargai alam sekitar demi mengekalkan keharmonian hidup.</p>	<p><b>Kemapanan alam sekitar untuk generasi masa depan</b></p> <p>Sayangi alam sekitar untuk masa depan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan terhadap spesies haiwan dan tumbuhan yang hampir pupus</li> </ul>	<p>Menyayangi alam sekitar dengan melindungi haiwan dan tumbuhan yang hampir pupus</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mencari maklumat berkenaan haiwan dan tumbuhan yang hampir pupus dan mempamerkan di papan kenyataan</li> <li>ii. Menghasilkan buku skrap tentang haiwan dan tumbuhan yang hampir pupus</li> <li>iii. Menyediakan kertas cadangan tentang cara melindungi haiwan yang hampir pupus</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>4.3 Peka terhadap Isu Alam Sekitar</b></p> <p>Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekitar dan berusaha menyelesaikannya.</p>	<p><b>Alam sekitar terjaga hidup sejahtera</b></p> <p>Isu alam sekitar tanggungjawab semua</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prihatin terhadap isu berkaitan tanah bencah (<i>Wetland</i>)             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencemaran</li> <li>- Penebangan pokok secara berleluasa</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menunjukkan sikap prihatin terhadap isu-isu yang berkaitan dengan tanah bencah</li> <li>ii. Menyokong dan melibatkan diri dalam usaha-usaha menjaga kawasan tanah bencah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat dan berbincang tentang isu di kawasan tanah bencah</li> <li>ii. Menghasilkan buku skrap tentang isu tanah bencah</li> <li>iii. Lawatan ke kawasan tanah bencah</li> </ul>

**BIDANG PEMBELAJARAN 5 : NILAI BERKAITAN DENGAN DIRI DAN NEGARA**

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.1 Hormat dan Setia kepada Pemimpin, Raja dan Negara</b></p> <p>Hormat dan kepatuhan yang berkekalan kepada pemimpin dan raja serta setia kepada negara.</p>	<p><b>Kesetiaan rakyat mengukuh kedaulatan negara</b></p> <p>Rukun Negara mengukuh kesetiaan rakyat kepada negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hayati dan patuhi prinsip-prinsip Rukun Negara</li> </ul>	<p>Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara dan menjadi warga negara yang baik</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menulis prinsip Rukun Negara secara kreatif</li> <li>ii. Bercerita cara-cara mematuhi prinsip-prinsip Rukun Negara</li> <li>iii. Berbincang tentang kepentingan prinsip Rukun Negara terhadap masyarakat</li> </ul>
<p><b>5.2 Patuh kepada Peraturan dan Undang-undang</b></p> <p>Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan sebagai amalan hidup.</p>	<p><b>Undang-undang menjamin kesejahteraan bersama</b></p> <p>Patuhi undang-undang keamanan terpelihara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di dalam dan luar negara</li> </ul>	<p>Mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di semua tempat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan maklumat tentang undang-undang/akta di dalam/luar negara dan membuat perbandingan</li> <li>ii. Perbincangan tentang fungsi undang-undang dalam sesebuah negara</li> </ul>

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p><b>5.3 Cinta akan Negara</b></p> <p>Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.</p>	<p><b>Demi negara yang dicintai</b></p> <p>Maruah negara tanggungjawab semua warganya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanggungjawab menjaga dan mempertahankan maruah negara                             <ul style="list-style-type: none"> <li>– Mempertahankan kemerdekaan negara</li> <li>– Menentang penjajahan</li> </ul> </li> </ul>	<p>Bersedia menjaga dan mempertahankan maruah negara</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Carta aliran sejarah negara dari zaman penjajah sehingga kini</li> <li>ii. Perbincangan tentang kepentingan kemerdekaan bagi sesebuah negara/bentuk-bentuk penjajahan baru – penjajahan minda/ekonomi</li> <li>iii. Tayangan filem Bukit Kepong/Leftenan Adnan/Sarjan Hasan dan membincangkan mesej filem tersebut</li> </ol>
<p><b>5.4 Keamanan dan Keharmonian</b></p> <p>Kedamaian dan perpaduan yang berkekalan dan berterusan di kalangan rakyat Malaysia serta masyarakat global.</p>	<p><b>Perpaduan asas keharmonian hidup di Malaysia</b></p> <p>Masyarakat majmuk di Malaysia hidup harmoni</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penglibatan dalam usaha mengekalkan perpaduan kaum</li> </ul>	<p>Melibatkan diri dalam usaha mengekal perpaduan kaum demi keharmonian hidup</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenali sumbangan tokoh-tokoh perpaduan seperti Tun Hussein Onn, Tun Tan Siew Sin, Tun Sambathan dan Temenggong Jugah</li> <li>ii. Mengumpul maklumat dan berbincang tentang kesan jika tiada perpaduan Contoh : Peperangan di beberapa buah negara</li> <li>iii. Program kunjungan ke rumah rakan/guru berlainan kaum</li> </ol>